

OIC sedia jadi orang tengah, gesa perang dihenti serta-merta

New Delhi: Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) menggesa permusuhan ketenteraan antara Russia dan Ukraine perlu dihentikan serta-merta dan turut menawarkan untuk menjadi orang tengah dalam konflik terbabit.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Islamabad kelmarin, selepas mesyuarat dua hari Menteri Luar OIC, badan dianggotai 57 negara itu menggesa pihak yang bertelagah supaya menghentikan pertelagahan berkenaan daripada menjadi lebih buruk.

“Selepas membincangkan konflik yang berterusan antara Russia dan Ukraine pada Sesi Majlis Menteri Luar Negeri ke-48, kami menyeru supaya permusuhan segera dihentikan bagi mengelakkan banyak kehilangan nyawa dan memastikan krisis kemanusiaan tidak menjadi lebih teruk di Ukraine.

“Kami menggesa kedua-dua pihak untuk berdialog bagi mencari penyelesaian kepada konflik

Krisis Russia-Ukraine

Sebuah hospital mental di Mykolaiv, Ukraine musnah dibedil tentera Russia.
(Foto AFP)

64 serangan ke atas pusat kesihatan di Ukraine

cari penyelesaian kepada konflik semasa. Kami sebagai negara anggota OIC bersedia untuk menyokong dan memudahkan proses dialog antara semua pihak, jika diminta," kata pertubuhan itu.

Menteri Luar Pakistan, Shah Mahmood Qureshi, dalam sidang media bersama dengan Setiausaha Agung OIC, Hissein Ibrahim Taha, berkata China turut 'ber-setuju' dengan OIC dan bersedia bekerjasama bagi penyelesaian damai kepada krisis Ukraine.

Qureshi berkata, konflik Rusia-Ukraine dibincangkan ketika pertemuan beliau dan Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan dengan Menteri Luar China, Wang Yi, yang berada di ibu negara Pakistan untuk menghadiri mesyuarat OIC sebagai tetamu khas.

Sementara itu, Amerika Syarikat (AS) dan sekutu Baratnya difahamkan sedang menimbang sama ada Russia harus kekal dalam anggota Kumpulan 20 (G20) berikutan pencerobohannya ke atas Ukraine.

Menurut laporan Reuters, sumber Kesatuan Eropah (EU) secara berasingan mengesahkan adanya perbincangan mengenai status Russia bagi mesyuarat G20 akan datang, yang kini dipengerusikan Indonesia.

"Ia telah dibuat amat jelas kepada Indonesia bahawa kehadiran Russia pada mesyuarat menteri akan datang bakal menjadi amat bermasalah bagi negara Eropah," kata sumber itu. AGENSI

Hampir 7 juta hilang tempat tinggal sejak perang bermula

Geneva: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesahkan 64 kejadian serangan ke atas pusat kesihatan di Ukraine antara 24 Februari hingga 21 Mac lalu yang mengakibatkan 15 kematian dan

37 kecederaan.

Hampir tujuh juta rakyat Ukraine kehilangan tempat tinggal dalam tempoh sebulan perang dengan satu daripada tiga mengalami keadaan kesihatan kronik, menurut agensi kesihatan global itu.

Tekanan semakin meningkat terhadap petugas kesihatan dan sukarelawan dari Ukraine dan luar negara untuk memastikan sistem penjagaan kesihatan di negara itu berjalan lancar, sejak permulaan pencerobohan Russia.

Konflik itu yang bermula

pada 24 Februari menyebabkan lebih 3.6 juta pelarian melarikan diri dari Ukraine dan membawa kepada pengasingan ekonomi Russia yang tidak pernah berlaku sebelum ini akibat sekatan.

Akses terhad kepada ubat-ubatan, kemudahan penjagaan kesihatan dan kakitangan di Ukraine terus menekan rawatan berterusan penyakit kronik, kata WHO sambil menambah separuh daripada farmasi di negara itu dianggap ditutup.

Perang turut memberi kesan kepada vaksinasi COVID-19 dan

imunisasi rutin di Ukraine, kata agensi kesihatan itu.

Antara 24 Februari hingga 15 Mac lalu, vaksin COVID-19 diberikan kepada 175,000 orang, berbanding sekurang-kurangnya 50,000 vaksin sehari sebelum pencerobohan Russia, menurut WHO.

Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah minggu lalu berkata, pelarian dari Ukraine perlu ditawarkan vaksin penuh COVID-19 dan dos penggalak, jika mereka tidak mempunyai bukti inokulasi sebelumnya.

REUTERS

Majlis Keselamatan PBB tolak resolusi Moscow

Washington: Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kelmarin, menolak draf resolusi daripada Russia mengenai krisis kemanusiaan di Ukraine.

Hanya China menyertai Russia yang menyokong dalam undian itu dengan semua 13 anggota dewan yang lain berkecuali.

Draf resolusi itu menyatakan 'keimbangan besar terhadap keadaan kemanusiaan yang semakin merosot di dalam dan sekitar Ukraine', khususnya mengenai peningkatan jumlah orang yang kehilangan tempat tinggal serta pelarian akibat konflik Ukraine.

Walaupun ia mengutuk 'semua pelanggaran undang-undang

kemanusiaan antarabangsa dan pelanggaran hak asasi manusia', teks itu bagaimanapun tidak meletakkan tanggungjawab di atas peperangan.

Utusan Amerika Syarikat (AS) ke PBB, Linda Thomas-Greenfield, ketika sesi pengundian, berkata draf itu adalah percubaan Russia 'untuk memberi perlindungan terhadap tindakan kejam mereka' di Ukraine.

"Sungguh tidak wajar Russia mempunyai keberanian untuk mengemukakan resolusi meminta masyarakat antarabangsa menyelesaikan krisis kemanusiaan yang dibuat oleh Russia sendiri.

"Russia adalah penceroboh, penyerang, satu-satunya yang

bertanggungjawab di Ukraine, terbabit dalam kempen kekejaman terhadap rakyat Ukraine dan mereka mahu kami meluluskan resolusi yang tidak mengakui kesalahan mereka," katanya seperti yang dilaporkan agensi berita Anadolu.

Vassily Nebenzia, wakil tetap Moscow, memberi isyarat bahawa resolusi Russia berkemungkinan akan gagal sebelum pengundian berlangsung.

"Kami secara mutlak menolak kenyataan majlis untuk menerima pakai resolusi mengenai dokumen kemanusiaan Ukraine.

"Ini adalah sesuatu yang wakil kemanusiaan PBB di lapangan

akan sangat berminat lebih daripada mana-mana resolusi kemanusiaan daripada Perhimpunan Agung PBB," katanya.

Perang Russia terhadap Ukraine yang bermula pada 24 Februari lalu mendapat kemarahan antarabangsa dengan Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) antara lain melaksanakan sekatan kewangan yang keras ke atas Moscow.

Menurut perangkaan PBB, sekurang-kurangnya 977 orang awam terbunuh ketika perang, manakala 1,594 cedera dan lebih 3.6 juta orang melarikan diri dari Ukraine ke negara jiran.

BERNAMA